

# Motor Takaful Certificate

## LEMBARAN PENERANGAN PRODUK / PRODUCT DISCLOSURE SHEET

**(Sila baca Lembaran Penerangan Produk ini sebelum Anda memohon Takaful Motor. Pastikan juga Anda telah membaca terma-terma dan syarat-syarat / Read this Product Disclosure Sheet before You decide to participate in the Motor Takaful. Be sure to also read the general terms and conditions.)**

### **A- Kontrak Takaful Pengguna/Consumer Takaful Contract**

Menurut Perenggan 5 dari Jadual 9 Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013, jika **Anda** memohon Takaful ini sepenuhnya untuk tujuan yang tidak berkaitan dengan perdagangan, perniagaan atau profesion **Anda**, **Anda** mempunyai kewajiban untuk mengambil langkah yang munasabah untuk tidak salah nyata dalam menjawab soalan-soalan di dalam Borang Cadangan (atau semasa memohon Takaful ini). **Anda** dikehendaki menjawab soalan-soalan dalam Borang Cadangan ini dengan lengkap dan tepat.

*Pursuant to Paragraph 5 of Schedule 9 of the Islamic Financial Services Act 2013, if **You** are applying for this Takaful wholly for purposes unrelated to **Your** trade, business or profession, **You** have a duty to take reasonable care not to make a misrepresentation in answering the questions in the Proposal Form (or when **You** apply for this Takaful). **You** must answer the questions fully and accurately.*

Kegagalan untuk mengambil langkah yang munasabah dalam menjawab soalan-soalan, mungkin mengakibatkan pembatalan kontrak Takaful **Anda**, keengganan atau pengurangan ganti rugi, perubahan terma atau penamatan kontrak Takaful **Anda**.

*Failure to take reasonable care in answering the questions may result in avoidance of **Your** contract of Takaful, refusal or reduction of **Your** claim(s), change of terms or termination of **Your** contract of Takaful.*

Kewajipan pendedahan di atas hendaklah berterusan sehingga kontrak Takaful **Anda** dimeterai, diubah atau diperbaharui dengan **Kami**.  
*The above duty of disclosure shall continue until the time **Your** contract of Takaful is entered into, varied or renewed with **Us**.*

Sebagai tambahan kepada soalan-soalan di dalam Borang Cadangan (atau semasa memohon Takaful ini), **Anda** dikehendaki untuk mendedahkan apa-apa perkara lain yang **Anda** tahu akan mempengaruhi keputusan **Kami** dalam menerima risiko dan menentukan kadar dan terma yang dikenakan.

*In addition to answering the questions in the Proposal Form (or when **You** apply for this Takaful), **You** are required to disclose any other matter that **You** know to be relevant to our decision in accepting the risks and determining the rates and terms to be applied.*

**Anda** juga mempunyai kewajiban untuk memberitahu **Kami** dengan serta-merta jika pada bila-bila masa selepas kontrak Takaful **Anda** ditandatangani, diubah atau diperbaharui dengan **Kami** (atau semasa permohonan Takaful ini), apa-apa maklumat yang dinyatakan dalam Borang Cadangan tidak tepat atau sudah berubah.

***You** also have a duty to tell **Us** immediately if at any time after **Your** contract of Takaful has been entered into, varied or renewed with **Us** any of the information given in the Proposal Form (or when **You** applied for this Takaful) is inaccurate or has changed.*

### **B - Kontrak Takaful Komersial/Non-Consumer Takaful Contract**

Menurut Perenggan 4(1) Jadual 9 Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013, jika **Anda** memohon Takaful ini untuk tujuan yang berkaitan dengan perdagangan, perniagaan atau profesion **Anda**, **Anda** berkewajipan untuk mendedahkan apa-apa perkara yang **Anda** tahu akan mempengaruhi keputusan **Kami** dalam menerima risiko dan menentukan kadar dan terma yang dikenakan dan apa-apa perkara yang munasabah yang boleh dijangka, jika tidak ia boleh menyebabkan pembatalan kontrak Takaful, keengganan atau pengurangan ganti rugi, perubahan terma atau penamatan kontrak Takaful **Anda**.

*Pursuant to Paragraph 4(1) of Schedule 9 of the Islamic Financial Services Act 2013, if **You** are applying for this Takaful for a purpose related to **Your** trade, business or profession, **You** have a duty to disclose any matter that **You** know to be relevant to our decision in accepting the risks and determining the rates and terms to be applied and any matter a reasonable person in the circumstances could be expected to know to be relevant, otherwise it may result in avoidance of **Your** contract of Takaful, refusal or reduction of **Your** claim(s), change of terms or termination of **Your** contract of Takaful.*

Kewajipan pendedahan di atas hendaklah berterusan sehingga kontrak Takaful **Anda** dimeterai, diubah atau diperbaharui dengan **Kami**.  
*The above duty of disclosure shall continue until the time **Your** contract of Takaful is entered into, varied or renewed with **Us**.*

**Anda** juga mempunyai kewajiban untuk memberitahu **Kami** dengan serta-merta jika pada bila-bila masa selepas kontrak Takaful **Anda** ditandatangani, diubah atau diperbaharui dengan **Kami** (atau semasa permohonan Takaful ini), apa-apa maklumat yang dinyatakan dalam Borang Cadangan tidak tepat atau sudah berubah.

**You** also have a duty to tell us immediately if at any time after **Your** contract of Takaful has been entered into, varied or renewed with us any of the information given in the Proposal Form (or when **You** applied for this Takaful) is inaccurate or has changed.

**Diguna pakai untuk Sijil Kenderaan Perdagangan dan Sijil Motor Plet Perdagangan (Risiko Jalanraya).**

**Applicable to Commercial Vehicle Certificate and Motor Trade Certificate (Road Risk).**

**1. Apakah ciri produk ini?  
What is this product about?**

Takaful Motor ini memberikan perlindungan Takaful terhadap liabiliti kepada kecederaan atau kematian, kerosakan harta pihak lain, dan kemalangan bukan disengajakan atau kerosakan akibat kebakaran terhadap kenderaan **Anda** atau kecurian terhadap kenderaan **Anda**.

*The Motor Takaful provides cover against liabilities to other parties for injury or death, damage to other parties' property, and accidental or fire damage to **Your** vehicle or theft of **Your** vehicle.*

**2. Apakah konsep Syariah yang diguna pakai?  
What are the applicable Shariah concepts?**

- **Takaful:** Suatu perkiraan yang berasaskan pertolongan secara bersama yang di bawahnya peserta takaful bersetuju untuk menyumbang kepada suatu kumpulan wang yang sama yang menyediakan manfaat kewangan bersama yang kena dibayar kepada peserta takaful itu atau kepada benefisiarinya pada masa berlaku sesuatu kejadian yang telah dipersetujui terdahulu.  
**Takaful:** *An arrangement based on mutual assistance under which takaful participants agree to contribute to a common fund providing for mutual financial benefits payable to the takaful participants or their beneficiaries on the occurrence of pre-agreed events.*
- **Wakalah:** Peserta melantik Pengendali Takaful untuk menguruskan caruman Takaful dengan mengenakan Yuran Wakalah seperti yang telah diluluskan oleh badan berkuasa.  
**Wakalah:** *Participants appoint the Takaful Operator to manage Takaful contributions by charging a Wakalah Fee for their services as approved by the regulatory authorities.*
- **Tabarru':** Peserta bersetuju untuk menderma wang caruman ke satu akaun khas iaitu Akaun Pelaburan Risiko untuk membantu Peserta lain yang ditimpa musibah.  
**Tabarru':** *It is a donation where participants agree to pay their contribution to a special account known as the General Risk Investment Account. The contribution will be used to help other covered persons in times of misfortune.*
- **Hibah:** Sekiranya terdapat pengisytiharan Lebihan daripada APRP pada setiap akhir tahun kewangan, 50% daripada lebihan tersebut akan dikongsi dengan Peserta berdasarkan kontrak Hibah (Hadiah).
- **Hibah:** *If there is a Surplus Sharing declared from the PRIA at the end of each financial year, 50% of the surplus will be shared with the eligible Participant based on the Hibah (gift) contract.*
- **Ju'alah:** Harga yang ditetapkan untuk melaksanakan perkhidmatan – komisen. Ia adalah kontrak di mana salah satu (1) pihak menawarkan ganjaran kepada sesiapa sahaja yang mencapai keputusan yang ditentukan dalam tempoh yang diketahui atau tidak diketahui. Di bawah kontrak ini, disebabkan mengurus dan mentadbir GRIA, pengendali takaful berhak menerima insentif bersamaan dengan 50% daripada lebihan yang boleh diagihkan daripada GRIA selepas akhir setiap tahun kewangan.
- **Ju'alah :** *Stipulated price for performing a service – commission. It is a contract in which one (1) of the parties offer specified reward to anyone who will achieve a determined result in a known or unknown period. Under this plan, for managing and administrating GRIA, the takaful operator is entitled to receive an incentive equal to 50% of any surplus distributable from the GRIA after the end of each financial year*
- **Qard:** Kontrak hutang atau peminjaman antara dua pihak di mana bayaran balik jumlah yang dipinjam mestilah sama.  
**Qard :** *A debt or borrowing contract between two parties in which repayment of the borrowed amount must be the same.*

**3. Apakah jenis perlindungan/manfaat yang diberikan?**

**What are the covers / benefits provided?**

**Sijil ini melindungi Kereta Persendirian, Motosikal atau Kenderaan perdagangan:**

**This certificate covers Private Car, Motorcycle or Commercial Vehicle:**

- a) Kecederaan badan dan kematian pihak ketiga;  
*Third Party Bodily Injuries and Death;*
- b) Kerugian atau kerosakan harta pihak ketiga; dan  
*Third Party Property Loss or Damage; and*
- c) Kerugian atau kerosakan terhadap kenderaan **Anda** akibat kebakaran yang bukan disengajakan, kecurian atau kemalangan.  
*Loss or Damage to **Your** Own Vehicle due to accidental fire, theft or accident.*

Pilihan manfaat tambahan yang boleh **Anda** sertai dengan membayar caruman tambahan:

*Optional benefits that **You** may wish to participate by make additional contribution:*

No	Perlindungan Pilihan / Optional Covers	Kereta Persendirian / Private Car	Kenderaan Perdagangan / Commercial Vehicle	Motorsikal / Motorcycle
1	Kerosakan cermin kenderaan / Windscreen damage	√	√	
2	Perlindungan liabiliti penumpang / Passengers liability cover	√	√	

3	Kerosakan akibat banjir dan tanah runtuh; atau / Damage arising from flood and landslide; or	√	√	√
4	Kerosakan akibat mogok, rusuhan dan kekacauan awam / Damage arising from strike, riot and civil commotion	√	√	√
5	Asas Kemalangan Diri / Personal Accident Basic	√		√
6	Ehsan Kereta Sementara / Temporary Courtesy Car Cover	√		
7	Tunda dan Pembersihan Kerosakan Akibat Air / Towing and Cleaning due to Water Damage	√		
8	Penggantian Kunci / Key Replacement	√		
9	Perlindungan untuk Cermin Depan/Belakang, Tingkap dan Bumbung Matahari - Peningkatan / Cover for Windscreens, Windows and Sunroof - Enhanced	√		
10	Pengecualian Penambahbaikan / Waiver of Betterment	√		

Senarai ini adalah tidak menyeluruh. Sila rujuk kepada sijil kontrak untuk senarai penuh bagi manfaat pilihan yang terdapat di bawah sijil ini / This list is non-exhaustive. Please refer to the certificate contract for the full list of optional benefits under this certificate.

**Nota: Di bawah undang-undang Republik Singapura, adalah satu kesalahan jika memasuki negaranya tanpa perlindungan tambahan di dalam Takaful Motor bagi melindungi liabiliti penumpang kenderaan.**  
**Note: It is an offence under the laws of the Republic of Singapore to enter the country without extending passenger liability cover to Your Motor Takaful.**

**Tempoh perlindungan adalah untuk satu tahun. Anda perlu memperbaharui perlindungan Takaful Anda secara tahunan.**  
**The duration cover is for one year. You need to renew the certificate annually.**

**4. Di mana Saya boleh mendapatkan Nilai Pasaran yang sesuai untuk kenderaan Saya**  
**Where can I get the Appropriate Market Value for my vehicle?**

- Pangkalan Data Penilaian Kenderaan ISM ABI //ISM ABI Vehicle Valuation Database

**5. Apakah nilai yang dipersetujui(Agreed Value)?**  
**What is agreed value?**

Nilai yang dipersetujui adalah jumlah yang diinsuranskan ke atas Kenderaan Anda yang dipersetujui antara Kami dan Anda. Sekiranya berlaku kecurian atau kerosakan teruk yang tidak boleh diperbaiki, Kami akan membayar sewajarnya seperti Jumlah Kenderaan Dilindungi. (Tertakluk kepada terma dan syarat.)

*Agreed Value is covering Your vehicle for a value that is agreed between Us and You. In the event of theft or total loss, We will pay accordingly as per the Vehicle Sum Covered. (Subject to the terms and conditions.)*

**6. Berapakah jumlah caruman yang perlu dibuat?**  
**How much contribution do I have to make?**

**Kereta Persendirian / Private Car**

Contoh : Proton Saga :125 cc

Example : Proton Saga

- Perlindungan Asas / Standard cover : RM 1003.50

(Caruman untuk jumlah perlindungan RM30,000/ contributions for sum covered of RM30,000)

- Kelayakan NCD / NCD entitlement : RM 0.00
- Akses Sukarela / Voluntary Excess : RM 0.00

(Perlindungan cermin kenderaan berjumlah RM500/ windscreen cover for sum covered of RM500)

- Perlindungan Tambahan / Additional cover :+RM 75.00
- Cukai 6% / Tax 6% : RM 64.71

(Perlindungan Asas / Standard cover + Perlindungan tambahan / Additional cover\* termasuk Cukai 6% / Inclusive of Tax 6%)

- Tambahan Duti Setem/Add Stamp Duty :+RM 10.00

Jumlah Jangkaan Keseluruhan Caruman/  
The estimated total contributions

-----  
: RM 1153.21  
=====

(jumlah yang dibundarkan / rounded amount)

## Motorsikal / Motorcycle

Contoh : Honda Wave	:1300 cc	
Example : Honda Wave		
• Perlindungan Asas / Standard cover	: RM 187.80	(Caruman untuk jumlah perlindungan RM3,000 / contributions for sum covered of RM3,000)
• Kelayakan NCD / NCD entitlement	: RM 0.00	
• Akses Sukarela / Voluntary Excess	: RM 0.00	
• Perlindungan Tambahan / Additional cover	:+RM 93.90	(Perlindungan Semua Penunggang / All Rider)
• Cukai 6% / Tax 6%	: RM 16.90	(Perlindungan Asas / Standard cover + Perlindungan tambahan / Additional cover * termasuk Cukai 6% / Inclusive of Tax 6%)
• Tambahan Duti Setem/Add Stamp Duty	:+RM 10.00	
Jumlah Jangkaan Keseluruhan Caruman/ The estimated total contributions	----- : RM 308.60 =====	(jumlah yang dibundarkan / rounded amount)

## Kenderaan Perdagangan / Commercial Vehicle

Contoh : Permit - C	: 2000 kg	
Example : C-Permit		
• Perlindungan Asas / Standard cover	: RM 397.45	(Caruman untuk jumlah perlindungan RM30,000/ contributions for sum covered of RM30,000)
• Kelayakan NCD / NCD entitlement	: RM 0.00	
• Akses Sukarela / Voluntary Excess	: RM 0.00	
• Perlindungan Tambahan / Additional cover	:+RM 150.00	(Perlindungan cermin kenderaan berjumlah/ windscreen cover for sum covered of RM500)
• Cukai 6% / Tax 6%	: RM 32.85	(Perlindungan Asas / Standard cover + Perlindungan tambahan / Additional cover * termasuk Cukai 6% / Inclusive of Tax 6%)
• Tambahan Duti Setem/Add Stamp Duty	:+RM 10.00	
Jumlah Jangkaan Keseluruhan Caruman/ The estimated total contributions	----- : RM 590.30 =====	(jumlah yang dibundarkan / rounded amount)

Jumlah perlindungan adalah bergantung kepada nilai pasaran semasa kenderaan mengikut ISM-ABI sistem pengiraan nilai kenderaan. *The sum covered is based on the current market value of the vehicle based on ISM-ABI vehicle valuation database system.*

Rebat sebanyak 10% hanya diberi kepada pelanggan yang hadir sendiri ke kaunter dan tiada rebat dibenarkan diberi kepada mana-mana pihak yang mewakilinya. Kad pengenalan (NRIC) hendaklah disertakan oleh pelanggan semasa menyertai atau memperbaharui Takaful Motor bagi tujuan pengesahan.

*Rebate of 10% is applicable to direct client only and no rebate is allowed for any third party representatives. The Identity Card (NRIC) must be presented by the participant during participating or renewing Motor Takaful for verification purposes.*

Caruman minima untuk Sijil Takaful Motor adalah seperti berikut:-  
*The minimum contributions of Motor Certificates are as follows :-*

Kereta Persendirian/Private Car	: RM50.00
Kenderaan Komersil & Lain-lain/Commercial Vehicle & Others	: RM50.00
Motorsikal/Motorcycle	: RM20.00

### 7. Apakah yuran dan caj yang perlu dibuat? *What are the fees and charges that I have to make?*

Jenis/Types	Jumlah/Amount
• Komisen kepada Perunding Takaful <i>Wakalah fees</i>	(29.5% daripada jumlah Caruman /of the contribution) yang merangkumi/of which: <ul style="list-style-type: none"> <li>• Komisen - 10% daripada jumlah Caruman <i>Commission - 10% of the contributions</i></li> <li>• Perbelanjaan Pengurusan/Management Expenses – 19.5% daripada jumlah Caruman /of the contributions</li> </ul>

<ul style="list-style-type: none"> <li>• <b><u>Peruntukan Cukai / Tax Provision</u></b>  All contribution and fees shown in this document may be subject to tax or other government levies. <i>Semua sumbangan dan yuran yang ditunjukkan dalam dokumen ini mungkin tertakluk kepada cukai atau levi kerajaan yang lain.</i></li> <li>• Duti Setem Stamp Duty</li> </ul>	<p>6% daripada jumlah caruman / of the contributions paid</p> <p>RM10.00</p>
--	--

**8. Apakah terma dan syarat-syarat penting yang saya harus ketahui?  
What are some of the key terms and conditions that I should be aware of?**

- Kepentingan pendedahan – **Anda** mestilah menyatakan kesemua fakta penting seperti sejarah kemalangan dan pengubahsuaian enjin kenderaan.  
*Importance of disclosure – You must give all material facts such as previous accidents and modifications to the engine.*
- **Anda** mesti memastikan kenderaan **Anda** dilindungi pada jumlah yang berpatutan daripada nilai pasaran.  
*You must ensure that Your vehicle is covered at the appropriate amount of the market value.*
- Sijil Motor ini hanya akan membayar kerugian mengikut nilai pasaran atau nilai yang dilindungi mengikut mana-mana yang lebih rendah.  
*The Motor certificate will pay the market value or the sum covered at the time of the loss whichever is lower.*
- Akses wajib ialah jumlah kerugian yang perlu **Anda** tanggung sekiranya kenderaan **Anda** dipandu oleh orang lain yang tidak dinamakan, pemegang lesen P dan L, dan berumur di bawah 21 tahun: RM 400.00.  
*The compulsory excess is the amount you have to bear if Your vehicle is driven by a person not named, holding "P" & "L" Licence, under 21 years of age : RM 400.00*

**Nota/Note:**

Senarai ini adalah tidak menyeluruh. Sila rujuk kepada Sijil Kontrak **Anda** untuk terma dan syarat di bawah Sijil ini.  
*This list is non-exhaustive. Please refer to the certificate contract for the terms and conditions under this certificate.*

Sila hubungi ZGTMB jika **Anda** tidak menerima sijil Takaful selepas satu (1) bulan penyertaan.  
*Contact ZGTMB if you have not received the Takaful certificate after one (1) month of participation*

**9. Apakah pengecualian utama yang tertakluk dalam Sijil ini?  
What are the major exclusions under this certificate?**

Sijil ini tidak melindungi kerugian seperti:  
*This certificate does not cover certain cases, such as:*

- Kematian **Anda** atau kecederaan anggota badan sendiri akibat kemalangan kenderaan;  
*Your own death or bodily injury due to a motor accident;*
- Liabiliti **Anda** terhadap tuntutan daripada penumpang di dalam kenderaan **Anda**;  
*Your liability against claims from passengers in Your vehicle;*
- Kerugian, kerosakan atau liabiliti yang berlaku akibat kejadian alam semulajadi seperti banjir, ribut taufan atau tanah runtuh;  
*Loss, damage or liability arising from an act of nature i.e flood, storm or landslide;*
- Kerugian, kerosakan atau liabiliti akibat aktiviti haram dan di bawah pengaruh dadah atau alkohol;  
*Loss, damage or liability arising from illegal acts and under influence of drug or alcohol;*
- Kerugian, kerosakan akibat Jenayah Pecah Amanah; dan  
*Loss, damage arising out of Criminal Breach of Trust; and*
- Sebarang perkara yang bertentangan dengan prinsip Syariah.  
*Any other events prohibited by Shariah principles.*

**Nota/Note:**

Senarai ini adalah tidak menyeluruh. Sila rujuk Kontrak Sijil untuk senarai penuh.  
*This list is non-exhaustive. Please refer to the sample certificate contract for the full list of exclusions under this certificate.*

**10. Bolehkah saya membatalkan Sijil Takaful saya?  
Can I cancel my Takaful Certificate?**

**Anda** boleh pada bila-bila masa membatalkan Sijil Takaful **Anda** dengan memberikan notis bertulis kepada Pengendali Takaful serta mengembalikan Salinan Asal Sijil Takaful/Pengisytiharan Undang-undang sekiranya Sijil Individu hilang.  
*You may cancel Your Motor Takaful certificate by giving a written notice and must return the Original Certificate of Takaful or Statutory Declaration to the Takaful Operator if the Certificate Takaful (CT) is lost.*

Selepas pembatalan, **Anda** layak mendapat bayaran balik caruman berasaskan keadaan berikut:-  
*Upon Cancellation, You are entitled to a refund of contribution based on the following:-*

- Secara kadar rata, jika kenderaan tersebut telah dilindungi berterusan selama lebih (12) bulan.

*Pro-Rate basis, if the vehicle has been continuously covered for more than (12) months.*

- Secara jangka pendek, jika kenderaan tersebut dilindungi pada tempoh kurang dari (12) bulan dengan syarat tiada sebarang tuntutan dibuat dan tiada tunggakan bayaran.  
*Short Period basis, if the vehicle has not been continuously covered for more than (12) months provided there are no claim made or pending.*

Tiada pengembalian caruman ke atas caruman minima pada sijil-sijil yang telah dikeluarkan.  
*There is no refund of contribution for certificates issued on minimum contribution.*

**11. Apakah yang perlu saya lakukan sekiranya terdapat perubahan pada butiran peribadi saya?  
*What do I need to do if there are changes to my contact details?***

Adalah menjadi tanggungjawab **Anda** untuk memaklumkan kepada **Kami**, sekiranya terdapat sebarang perubahan pada butiran peribadi untuk memastikan segala urusan surat-menyurat **Anda** sampai tepat pada masanya.  
*It is important that **You** inform **Us** of any change in **Your** contact details to ensure that all correspondences reach **You** in a timely manner.*

**12. Di manakah saya boleh mendapatkan maklumat lanjut?  
*Where can I get further information?***

Sekiranya **Anda** memerlukan maklumat tambahan berkaitan Takaful Motor, sila rujuk kepada buku kecil maklumat Insurans 'Takaful Motor' yang terdapat di cawangan-cawangan **Kami** atau **Anda** boleh perolehi satu salinan daripada Konsultan Takaful atau layari [www.insuranceinfo.com.my](http://www.insuranceinfo.com.my)  
*Should **You** require additional information about Motor Takaful, please refer to the insurance info booklet on 'Motor Takaful', available at all our branches or **You** can obtain a copy from the Takaful Consultant or visit [www.insuranceinfo.com.my](http://www.insuranceinfo.com.my)*

Sekiranya **Anda** mempunyai sebarang pertanyaan, sila hubungi **Kami** di:  
*If **You** have any enquiries, please contact **Us** at:*

Zurich General Takaful Malaysia Berhad  
Level 23 A, Mercu 3,  
No. 3, Jalan Bangsar,  
KL Eco City, 59200 Kuala Lumpur  
Hotline : 1-300-888-622  
Tel : 603-2109 6000  
Fax : 603-2109 6888

Website: [www.zurich.com.my](http://www.zurich.com.my)

**13. Jenis perlindungan lain yang boleh didapati?  
*Any other similar types of plan available?***

Sila rujuk kepada ejen/ perunding anda untuk jenis produk yang sama yang ditawarkan oleh Kami.  
*Please ask your agent/ intermediary for other similar type of products offered by Us*

**NOTA PENTING/IMPORTANT NOTE:**

**ANDA PERLU MEMASTIKAN KENDERAAN ANDA DILINDUNGI DENGAN NILAI PASARAN SEPerti YANG TERTERA DIDALAM SENARAI SISTEM ISM ABI KERANA IA AKAN MENJEJASKAN JUMLAH TUNTUTAN ANDA. SEKIRANYA BERLAKU KEMALANGAN, ANDA ADALAH DINASIHATKAN UNTUK BERURUSAN DENGAN BENGKEL YANG DILULUSKAN. JIKA ANDA MEMILIKI PERLINDUNGAN KOMPREHENSIF DAN ANDA TIDAK MELAKUKAN KESALAHAN, ANDA DINASIHATKAN UNTUK MENYERAHKAN TUNTUTAN ANDA KEPADA PENGELUAR TAKAFUL ANDA. ANDA PASTI AKAN BERPUAS HATI BAHAWA SIJIL INI AKAN MEMBERIKAN PERLINDUNGAN YANG TERBAIK UNTUK ANDA. ANDA MESTILAH MEMBACA DAN MEMAHAMI ISI KANDUNGAN SIJIL TAKAFUL INI DAN BERBINCANG DENGAN PERUNDING TAKAFUL ATAU HUBUNGI PENGENDALI TAKAFUL ANDA SECARA LANGSUNG UNTUK MAKLUMAT LANJUT.**

**YOU MUST ENSURE THAT YOUR VEHICLE IS COVERED AT THE APPROPRIATE MARKET VALUE AS LISTED IN THE ISM ABI SYSTEM AS IT WILL AFFECT THE AMOUNT YOU CAN CLAIM. IN THE EVENT OF AN ACCIDENT, YOU ARE ADVISED TO DEAL WITH APPROVED WORKSHOPS. IF YOU HAVE A COMPREHENSIVE COVER AND YOU ARE NOT AT FAULT, YOU ARE ADVISED TO SUBMIT YOUR CLAIM TO YOUR TAKAFUL OPERATOR. YOU SHOULD SATISFY YOURSELF THAT THIS CERTIFICATE WILL BEST SERVED YOUR NEEDS. YOU SHOULD READ AND UNDERSTAND THE TAKAFUL CERTIFICATE AND DISCUSS WITH THE CONSULTANT OR CONTACT THE TAKAFUL OPERATOR DIRECTLY FOR MORE INFORMATION.**

Zurich General Takaful Malaysia Berhad dilesenkan di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013 dan dikawal selia oleh Bank Negara Malaysia.

*Zurich General Takaful Malaysia Berhad is licensed under the Islamic Financial Services Act 2013 and regulated by Bank Negara Malaysia.*

Informasi yang disediakan dalam Lembaran Penerangan Produk ini adalah sah pada 1 September 2018 sehingga semakan semula dilakukan.  
*The revised information provided in this disclosure sheet is valid from 1 September 2018 until next revision is issued.*

**Zurich General Takaful Malaysia Berhad**  
Registration No. 201701045981 (1260157-U)  
Aras 23A, Mercu 3, No. 3, Jalan Bangsar, KL Eco City, 59200 Kuala Lumpur, Malaysia  
Tel: 03-2109 6000 Faks: 03-2109 6888 Pusat Panggilan: 1-300-888-622  
[www.zurich.com.my](http://www.zurich.com.my)

